

27 JAN 2000

DAIM-CLOB/I

TIMBANG TAWARAN SEDIA ADA UTK SELESAI ISU CLOB: DAIM

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin menggesa para pemegang saham Central Limit Order Book (CLOB) International "supaya cuma menumpukan dan menimbang tawaran-tawaran sedia ada untuk menyelesaikan isu saham CLOB yang dibekukan itu."

"Jangan buang masa jika anda bersungguh-sungguh mahu menyelesaikannya," katanya pada persidangan akhbar selepas selepas merasmikan Persidangan Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara di sini hari ini.

"Sekiranya ada lebih banyak cadangan datang, sampai bila ia hendak diselesaikan," katanya.

Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk cuba dan menamatkan pertikaian 17 bulan itu ke atas saham-saham CLOB. Ia termasuk cadangan daripada United Engineers (Malaysia) Bhd, Bintang Melewar Sdn Bhd dan Effective Capital Sdn Bhd.

Saham-saham CLOB, kini bernilai sekitar RM17 bilion, diterbitkan oleh lebih daripada 100 syarikat Malaysia yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tetapi dibeli oleh para pelabur di Singapura melalui pasaran tidak rasmi CLOB.

Mengenai sama ada perjumpaan yang dicadangkan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya di Singapura Goh Chok Tong selepas Tahun Baru Cina akan bermakna bahawa isu CLOB akan diselesaikan melalui inisiatif antara kerajaan dengan kerajaan, Daim menjawab: "Tidak."

"Kedua-dua kerajaan, terutamanya Malaysia, mahu perkara itu diselesaikan secepat mungkin. Ini adalah satu masalah antara BSKL dan Bursa Saham Singapura (SES).

Katanya kedua-dua bursa patut bertemu dan cuba menyelesaikan perkara itu secepat mungkin.

Bagaimanapun, katanya bahawa BSKL dan SES tidak bertemu dan berbincang perkara itu.

Daim menegaskan bahawa dasar kerajaan ialah bahawa ia tidak akan membantu sektor swasta dan itu CLOB adalah satu masalah sektor swasta.

"Kerajaan akan campur tangan hanya jika sektor swasta mahu kerajaan terlibat, tetapi mereka tidak pernah berbincang mengenai isu itu," katanya.

Ditanya sama ada beliau telah menjawab surat yang dihantar kepadanya oleh Menteri Kewangan Singapura Richard Hu berkaitan dengan kontrak Central Depository Pte Ltd (CDP) dan SCANS, Daim berkata beliau telah menjawabnya dalam bulan ini tetapi enggan mendedahkan butiran terperinci.

-- BERNAMA

AD MR OS